

15 JAN 2001

MAS-PM

PEMILIHAN PENERUSI BARU MAS MESTI DIBUAT DENGAN SEMPURNA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Pemilihan penerusi baru Syarikat Penerbangan Malaysia mesti dibuat dengan sempurna, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita boleh dapat susah kalau kita silap," kata beliau ketika ditanya oleh pemberita tentang siapakah yang bakal menjadi penerusi MAS, pada majlis jamuan Hari Raya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di sini.

"Jangan fikir membeli saham sebesar itu tidak mendatangkan masalah, ia mendatangkan banyak masalah," katanya.

"Jika kita tidak berhati-hati, kita mungkin terpaksa membuat tawaran am (bagi baki saham-saham MAS)," katanya.

Kerajaan bercadang membeli 29.9 peratus kepentingan dalam MAS pada harga RM8.00 sesaham daripada Naluri Bhd, sebuah syarikat yang dikuasai oleh penerusi eksekutif MAS Tan Sri Tajudin Ramli. Ini dijangka melibatkan pembayaran berjumlah RM1.79 bilion oleh kerajaan.

Pada masa ini, kerajaan dipercayai memiliki pegangan yang agak besar dalam MAS yang dipegang melalui beberapa agensi pelaburan.

Di bawah garis panduan bagi penggabungan dan pengambilalihan negara ini, jika pemegang saham tunggal memiliki pegangan melebihi 33.3 peratus, beliau perlu membuat tawaran am bagi baki saham yang tidak dimilikinya dalam syarikat berkenaan pada harga terakhir beliau bayar bagi saham-saham tersebut.

Ketika diminta mengesahkan spekulasi bahawa projek Empangan Hidroelektrik Bakun di Sarawak akan diteruskan pada keupayaan asalnya, beliau berkata kerajaan sedang mengkaji perkara tersebut.

Oktober lalu, Perdana Menteri mengesahkan bahawa projek di Belaga, Sarawak itu akan diteruskan.

Bagaimanapun, katanya kerajaan belum lagi memutuskan ketika itu sama ada projek itu akan diteruskan pada keupayaan asalnya.

Kata beliau banyak wang telah dibelanjakan bagi pelbagai keperluan projek tersebut dan "ini tidak boleh dibazirkan" manakala "permintaan terhadap tenaga elektrik semakin bertambah dengan pesatnya di Malaysia."

Projek Bakun telah ditangguhkan semasa kegawatan ekonomi lewat tahun 1997 dan telah diambil alih oleh Minister of Finance Incorporated daripada Bakun Hydroelectric Corporation Bhd (BHC) pada bulan Ogos tahun lalu.

Spekulasi bahawa projek Bakun akan diteruskan pada keupayaan sepenuhnya telah mendorong peningkatan harga saham syarikat-syarikat yang dikuasai oleh Tan Sri Ting Pek Khiing, yang memiliki BHC. -- BERNAMA

SHO MR SHY KY OS